

13/08/1997

Kemenangan bukti kematangan rakyat

SELEPAS lima pilihan raya kecil sebelum ini, sama ada dimenangi oleh Pas atau Parti Melayu Semangat 46 (S46) ketika itu, kita bersyukur Barisan Nasional (BN) berjaya menempa kemenangan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak. Tahniah untuk calon BN yang juga Ketua Umno bahagian Pasir Puteh, Kamarudin Mohd Nor dan syabas kepada setiap mereka yang terbabit, sama ada pemimpin parti komponen, pekerja yang berusaha keras dan pengundi BN untuk memastikan kemenangan calon mereka. Lima kekalahan lalu di Kelantan, tidak langsung melemahkan semangat ahli BN dan Umno khususnya untuk meneruskan perjuangan parti, malah berjaya memperbaiki jentera kempen bagi memastikan kemenangan di Semerak. BN berjaya memperbaiki diri dan strategi selepas mengambil pengajaran daripada kekalahan tipis awal tahun ini ketika bertanding di Pulau Chondong.

Namun bagi pemerhati politik, kemenangan BN kelmarin, adalah petanda awal perubahan sikap rakyat Kelantan yang sedar dan mahu negeri mereka dimajukan. Walaupun kemenangan itu tidak mampu mengubah status-quo dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, ia umpama amaran awal BN untuk merampas semula Kelantan yang dikuasai oleh Pas sejak tahun 1990.

Apa yang jelas penyokong, pengundi dan pemimpin BN kini semakin yakin parti komponen itu lambat-laun akan dapat bertapak menumbangkan Pas dan memerintah semula Kelantan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyifatkan kemenangan di Semerak sebagai petanda baik bagi Umno dan BN Kelantan. Rakyat Kelantan semakin yakin kepada Umno dan BN untuk menjadi peneraju dan pemangkin membawa lebih banyak pembangunan di kawasan mereka. Mereka tidak lagi dapat menerima parti pembangkang kerana pembangkang terbukti gagal mencatatkan rekod prestasi walaupun selepas diberi peluang bertahun-tahun memerintah negeri itu.

Kita percaya sebahagian besar rakyat Kelantan terutamanya mereka yang berpendidikan semakin merasakan dan nampak kempen buruk yang dijalankan oleh Pas, sekadar mengabui mata rakyat. Mereka mahu berpijak di bumi nyata. Lantaran itu, keputusan pilihan raya kecil Semerak adalah curahan perasaan dan kematangan mereka berpolitik serta berfikir tanpa mudah lagi dipengaruhi dengan janji kosong Pas. Pengundi begitu faham bahawa pembangkang hanya menabur janji tetapi tidak mampu menunaikannya. Mereka hanya boleh berhujah tetapi tidak mampu menyelesaikan masalah rakyat walaupun kecil dan mudah tetapi BN boleh menanganinya jika diberi peluang. Mereka sudah jemu-jelak dengan kebijaksanaan dan putar belit pembangkang menimbulkan semangat permusuhan dengan bertindak memaki hamun, menabur pelbagai fitnah serta menonjolkan isu lapuk, termasuk sentimen agama. Dalam proses itu, mereka dapat melihat pelbagai dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan secara logik mengikut kewarasan akal manusia, jelas tergelincir daripada asas kebenaran.

Malah mereka juga merasakan semakin tertekan. Di Semerak, pengundi berjaya menilai diri sendiri sama ada berlaku perubahan dalam kehidupan keluarga dan rakyat keseluruhannya selama ini atau sebaliknya sepanjang di bawah naungan Pas. Hakikatnya tidak banyak perubahan fizikal di sebalik cakap pemimpin Pas. Mereka juga melihat betapa imej rakyat dan tahap kemajuan negeri lain di iktiraf dunia luar dengan kemasukan secara terus pelaburan asing tetapi mereka tetap di takuk lama. Semua ini adalah antara perkara asas pengundi membuat keputusan memilih BN dan bukannya lagi Pas.

Kita penuh yakin pemilihan Kamarudin mampu membawa perubahan besar kepada rakyat setempat. Kamarudin seorang yang berpengalaman luas dalam

gerakan Islam, intelektual, berwawasan dan bersederhana, akan dapat memikul amanah kepemimpinan itu. Jika Pas selalu melaung dan mengetengahkan calon yang mereka anggap mampu membawa imej Islam lebih daripada parti lain, wakil Umno yang dipilih kali ini juga dapat membuktikan kepemimpinan BN memperjuang dan memartabat Islam, dapat diterima oleh rakyat Kelantan. Cuma kita sangat berharap jika ada kelemahan dilihat dalam pilihan raya kali ini, BN khususnya Umno perlu mencari jalan mengatasinya bagi memastikan kemenangan berulang jika kemungkinan berlaku lagi pilihan raya kecil di mana-mana kawasan di negeri itu. Pada masa yang sama, kita juga mahu Kamarudin mengotakan segala janji yang dilafazkan untuk manfaat rakyat setempat kerana kegagalan berbuat demikian boleh mencemarkan imej parti, kewibawaan beliau sebagai pemimpin dan senjata kepada Pas untuk memperkecilkan keupayaan BN.

(END)